

# Warisan Melayu Perak



# *Warisan* Melayu Perak

AHMAD JELANI HALIMI

ISHAK SAAT



2010

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2010

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Jelani Halimi

Warisan Melayu Perak / Ahmad Jelani Halimi, Ishak Saat.

Bibliografi: ms.133

ISBN 978-967-5457-18-0

1.Perak—History. 2. Perak—Antiquities. I. Ishak Saat, 1964-. II. Judul.  
959.5114

Terbitan :

Pejabat Penerbit  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja, Batu Pahat  
Johor Darul Ta'zim  
Tel : 07-453 7454 / 7452  
Faks : 07-453 6145  
Laman Web : [penerbit.uthm.edu.my](http://penerbit.uthm.edu.my)  
E-mel : [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)

# **KANDUNGAN**

---

<i>Prakata</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	xi
1. Kerajaan-kerajaan Awal di Perak	1
2. Pengaruh Islam dalam Undang-Undang Melayu: Kes Undang-Undang 99 Perak.	11
3. Perdagangan dan Perkapalan Melayu: Perdagangan dan Perkapalan Melayu Perak Pada Abad Ke-18-19.	21
4. Dinar Emas Melayu	41
5. Peranan Istana dan Ulama Dalam Pendidikan Anak-Anak Melayu Perak Sebelum Merdeka.	57
6. Maahad Ihya AsSyariff dan MPSI / SITC Dalam Era Perjuangan Kemerdekaan	75
7. Melayu Perak Menentang British 1945-1950.	97
8. Sejarah Felcra Seberang Perak, Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan.	117
<i>Lampiran</i>	129
<i>Bibliografi</i>	133
<i>Biodata Penulis</i>	143



## PRAKATA

---

*Warisan Melayu Perak* merupakan sebuah koleksi artikel yang memuatkan warisan sejarah orang Melayu Perak yang merangkumi pelbagai aspek seperti sejarah arkeologi, kerajaan-kerajaan awal Perak, undang-undang Melayu Perak, sejarah perdagangan dan perkapalan, peranan istana dan perkembangan Islam di Perak, peranan institusi pendidikan khususnya SITC dan Maahad Il Ihya AsSyarif yang terdapat di dalam negeri Perak, perjuangan orang Melayu Perak menentang dan menuntut kemerdekaan daripada British dan juga perkembangan sektor pertanian di Perak. Ia di susun mengikut kronologi dan memperlihatkan perkembangan sejarah negeri Perak secara teratur dengan mengenegahkan peristiwa-peristiwa penting yang telah melakar dan mewarnai sejarah yang menjadi warisan Melayu Perak. Ia juga merangkup skop lingkaran yang meliputi zaman tradisi, zaman penjajahan dan era merdeka.

Penyelidikan arkeologi dianggap penting bukan sahaja kerana ia menjangkau zaman yang tidak dikaji oleh bidang sejarah tetapi juga kerana sumbangannya terhadap bidang sejarah dalam memberi urutan peristiwa yang tepat dan benar. Bidang arkeologi dan sejarah memang mempunyai perkaitan. Ia merupakan satu bidang yang mampu membina semula dan membuktikan kewujudan sejarah kebudayaan satu-satu bangsa dan tamadun di zaman tersebut. Dalam zaman prasejarah tidak terdapat tradisi penulisan atau catatan. Maka pemerhatian ke atas zaman silam itu perlu dilakukan melalui kajian arkeologi. Iaitu pengkajian yang mesti dilakukan ke atas tinggalan-tinggalan kebudayaan yang ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu. Tinggalan yang dimaksudkan itu ialah beberapa jenis tapak, Candi, artifak, seperti tembikar, tengkorak, tulang manusia, tulang haiwan, manik-manik, alatan senjata, pinggan mangkuk dan sebagainya. Pengkajian ke atas artifak-artifak tersebut dapat membuktikan kesahihan tempuh masa dan juga kebenaran dakwaan kewujudan sesuatu tamadun itu.

Kita juga sering mempersoalkan kewujudan mereka ini kerana agak sukar untuk mendapatkan bukti tentang kewujudan mereka dalam dokumen-dokumen Melayu khususnya dalam hikayat-hikayat lama Melayu. *Sejarah Melayu*, *Bustanul Salatin*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja-raja Pasai malah Misa Melayu* tidak pernah menyebut tentang kewujudan secara jelas peranan kerajaan-kerajaan awal ataupun peranan saudagar-saudagar Melayu dalam kegiatan perdagangan mahupun kegiatan perkapanan. Apa yang tercatat adalah tentang pedagang-pedagang asing khususnya pedagang India Muslim.

Namun demikian daripada catatan-catatan luar seperti catatan Portugis, Cina, Inggeris dan Belanda dapat diketahui bahawa memang terdapat pedagang-pedagang besar Melayu ini. Akan tetapi mereka bukanlah dari kalangan orang biasa tetapi para pembesar termasuk raja (sultan) Sungguhpun begitu mereka ini juga tidak pernah disebut sebagai pedagang dalam hikayat-hikayat lama Melayu. Jadi di sini timbul satu persoalan, apakah benar yang berdagang atau yang menjadi entrepreneur itu sebenarnya orang Melayu

Begini juga kajian berdasarkan dokumen-dokumen sejarah dapat membuktikan kebenaran dan kesahihan sesuatu peristiwa sejarah. Sebagai contoh dalam sejarah tiada undang-undang yang benar-benar adil kecuali undang-undang atau peraturan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Namun demikian sering sahaja hukum-hukum Allah itu dicampuradukkan dengan undang-undang dan peraturan adat yang dibuat oleh manusia bagi tujuan menjaga kepentingan golongan tertentu. Justeru itu walaupun undang-undang Allah itu cuba dipakai, namun ia sering dicampuradukkan dengan peraturan adat dan amalan tradisi sesebuah masyarakat itu. Perkara ini amat ketara dilihat dalam undang-undang orang Melayu Perak.

Lantaran itu, penghasilan buku ini dapat menambahkan khazanah sejarah Malaysia dan juga mendokumentkan sejarah negeri Perak khususnya. Hak yang demikian ini boleh dijadikan batu asas kepada para pengkaji kemudian nantinya untuk menjelaskan, menegaskan, menghuraikan ataupun mempersoalkan kebenaran dan kesahihan sejarah Warisan Melayu Perak dengan bantuan dokumen-domumen atau bukti-bukti baru yang ditemui.

Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana telah memberikan galakan dari segi moral dan kewangan untuk menghasilkan buku sejarah Warisan Melayu Perak ini di bawah peruntukan Geran Universiti Penyelidikan 1001/PPJAUH/816103.

Sekian.

Dr Hj Ahmad Jelani bin Halimi, *Profesor Madya*

Dr Hj Ishak Saat, *Pensyarah Kanan*

Rancangan Sejarah

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang.

1 Januari 2010



# KATA PENGANTAR

---

Penghasilan buku Warisan Melayu Perak merupakan satu usaha terpuji kerana penulisan sejarah negeri Perak amat kurang ditemui atau dihasilkan. Kekurangan catatan sejarah ini mungkin disebabkan kurang sejarawan kelahiran negeri Perak atau sejarawan kurang berminat mengkaji dan menulis tentang sejarah negeri Perak. Lantaran itu, penghasilan buku ini diharapkan dapat memecahkan kebuntuan ini.

Dalam buku ini, penulis cuba membincarakan pelbagai aspek sejarah negeri Perak dari sudut kewujudan negeri Perak melalui bukti arkeologi, perbincangan tentang sejarah kegiatan perdagangan orang Melayu Perak, juga membincangkan pentadbiran dari sudut Undang-undang Perak 99 dan perjuangan orang Melayu Perak menentang penjajah British. Malah penulis juga memaparkan peranan institusi pendidikan khususnya Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan Maahad Il Ihya as-Syarif, Gunung Semanggol dalam mendidik dan menyebarkan kesedaran tentang perjuangan menuntut kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu di Perak.

Dalam buku ini, penulis cuba membuktikan bahawa sejarah negeri Perak harus diketahui oleh seluruh warga Malaysia kerana kebanyakkan permulaan sejarah Malaysia bermula di negeri Perak. Seperti perjuangan menuntut kemerdekaan dimulakan oleh orang Perak. Perjuangan kemerdekaan ini dimulakan di institusi pendidikan kelahiran negeri Perak, seperti di MPSI/SITC di selatan negeri Perak dan Maahad il Ihya As-Syarif di utara negeri Perak. Walaupun berlainan aliran pemikiran dan perjuangan namun kedua-dua institusi ini berjaya melahirkan tokoh-tokoh politik berbangsa Melayu untuk memimpin gerakan kemerdekaan Tanah Melayu.

Malah buku ini turut mengupas tentang kegiatan perdagangan dan perkapalan orang Melayu Perak dalam kegiatan utama ekonomi dunia. Lantaran negeri Perak terletak di persisir pantai Selat Melaka dan ini juga merupakan bukti kukuh bahawa negeri Perak berkedudukan strategi dalam laluan perdagangan antarabangsa kegiatan perdagangan antara benua timur dan barat.

Akhirnya buku ini dapat membantu para pengkaji sejarah yang berminat untuk membuat kajian lanjut tentang sejarah negeri Perak. Seharusnya buku ini dimiliki dan dibaca oleh guru-guru, para siswa/i, pengkaji-pengkaji sejarah dan peminat sejarah negeri Perak serta masyarakat umum agar dapat menilai dan mengetahui catatan sejarah secara yang lebih terbuka dan adil.

Sekian.

Profesor Madya Dr Habibah Hj Lateh  
Dekan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jaraj Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang.  
22 Mac 2010